

24 JUN 1999

MAHATHIR Pengerusi Mesyuarat Dewan Tertinggi BN

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Mesyuarat itu, yang pertama bagi tahun ini, dihadiri ketua-ketua atau wakil semua 14 parti komponen BN.

BN dianggotai Umno, MCA, MIC, Gerakan dan PPP, semuanya berpusat di Semenanjung; LDP, Akar, PDS, PBRS dan SAPP, yang berpusat di Sabah; dan PBB, SUPP, PBDS dan SNAP, yang berpusat di Sarawak.

Menurut seorang pemimpin parti komponen BN, mesyuarat itu dijangka membincangkan soal peruntukan kerusi bagi parti-parti komponen itu pada pilihan raya umum nanti.

Ia juga dijangka membincangkan persiapan BN dan strateginya untuk menghadapi pilihan raya umum itu.

Tempoh penggal Parlimen sekarang hanya akan berakhir pada 7 Jun tahun depan tetapi banyak kalangan membuat spekulasi bahawa Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, mungkin mengadakan pilihan raya tahun ini berdasarkan beberapa faktor seperti pemulihan ekonomi negara.

Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan semalam mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia telah keluar daripada kemelesetan dan mungkin mencatat pertumbuhan 2 hingga 3 peratus tahun ini.

-- BERNAMA

AFY NMO